

# Akuarium Saya (Tadika 1 Buku Besar 10 'Kucing Dina')

### Gambaran Keseluruhan:

Menggunakan aktiviti kraf untuk memperkenalkan jenis binatang peliharaan di dalam akuarium.

## Matlamat Pembelajaran:

- 1. mempunyai minat untuk mempelajari Bahasa Melayu
- 2. membina kemahiran asas bahasa dan literasi


# Objektif Pengajaran:

Kanak-kanak akan berpeluang untuk:

- 1. mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti 'Akuarium Saya'
- 2. memahami arahan guru semasa melakukan aktiviti 'Akuarium Saya' tentang jenis binatang peliharaan

#### \* Aktiviti Induksi

#### Guru:



- mengajak kanak-kanak berbual tentang kandungan klip video tersebut
- melukis akuarium (berbentuk segi empat tepat ) untuk tuntung dan ikan di papan tulis
- menggalakkan kanak-kanak menyebut semula perkataan-perkataan yang berkaitan dengan hidupan laut dan lain-lain lagi yang boleh diletakkan di dalam akuarium (contoh: ikan, rumpai laut dan batu-batu kecil) sambil guru melukiskan hidupan laut dan lain-lain lagi yang disebut oleh kanak-kanak.

\*Guru memulakan aktiviti kraf setelah menjalankan aktiviti induksi.





Guru menunjukkan gambar tuntung kepada kanak-kanak.

# #1 Memilih aktiviti kraf yang sesuai dan menyiapkan bahan-bahan

- Guru memastikan aktiviti kraf yang dipilih berkaitan dengan tema.
- Guru menyiapkan bahan-bahan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti kraf. Contoh: Pinggan kertas, kertas berwarna, keratan surat khabar, gunting, pelekat, cangkerang-cangkerang dan lain-lain lagi.

# #2 Menunjukkan sampel kraf yang ingin dihasilkan dan menyebut perkataan-perkataan baharu

- Guru menunjukkan dan menyebutkan bahan-bahan yang digunakan untuk kraf.
- Guru mengajak kanak-kanak mengulang perkataan-perkataan baharu.



Guru menunjukkan sampel kraf.

### #3 Memberikan bahan-bahan yang telah disiapkan

- Guru memberikan pinggan kertas dan bahan-bahan yang disebutkan di atas kepada setiap kanak-kanak.
- Guru meminta setiap kanak-kanak untuk mula menghias 'akuarium' mereka dengan melekatkan bahan-bahan yang telah disiapkan di atas permukaan pinggan kertas mereka.





Kanak-kanak mula membuat kraf.

# #4 Menggalakkan kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan

- Guru meminta kanak-kanak untuk menceritakan tentang kraf yang telah dihasilkan oleh mereka
- Guru menggunakan teknik penyoalan dialogik untuk merangsang perbualan kanakkanak.



Guru mengajak kanak-kanak untuk berkongsi kraf yang telah dihasilkan.